

## KENYATAAN AKHBAR

### PERMOHONAN FASA 1 APLIKASI DALAM TALIAN (*ONLINE APPLICATION*) UNTUK KEMASUKAN KE IPTA, INSTITUSI TEVT DAN ILKA BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF SESI AKADEMIK 2011/2012

---

1. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kemasukan ke IPTA, Institusi TEVT dan ILKA bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf Sesi Akademik 2011/2012 adalah melalui Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*) sepenuhnya di Laman Web Rasmi Kemasukan di URL <http://upu.mohe.gov.my>
2. Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 April 2010 bersetuju bahawa mulai tahun 2011 **Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar atau UPU**, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi akan menjadi **Pusat Pengambilan Setempat** bagi menyelaraskan permohonan dan pemilihan kemasukan ke Program Sijil dan Diploma Institusi Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TEVT) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).
3. Ia selaras dengan Dasar Kerajaan untuk mengarus perdanakan Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional serta Latihan Kemahiran dalam usaha meningkatkan akses dan ekuiti lepasan sekolah menengah untuk melanjutkan pengajian dalam bidang TEVT dan Kemahiran bagi melahirkan Modal Insan Berkemahiran Tinggi demi merealisasikan status Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

4. Institusi yang terlibat bagi kemasukan ke Program Sijil dan Diploma di Institusi TEVT dan ILKA adalah Politeknik, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI), Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) dan Kolej Komuniti.

5. Bagi permohonan kemasukan ke IPTA ini dibahagikan kepada empat (4) kategori seperti berikut :

Kategori A : SPM tahun 2010

Kategori B : SPM tahun 2009 atau SPM tahun 2008

Kategori C : SPM tahun 2007 atau sebelumnya; atau sijil yang setaraf yang diiktiraf oleh IPTA

Kategori D : Pemohon yang menggunakan keputusan SPM 2008 dengan sijil ulangan SPM 2009; atau SPM 2008 dengan sijil ulangan SPM 2010; atau SPM 2009 dengan sijil ulangan SPM 2010.

6. Bagi permohonan kemasukan ke Institusi TEVT dan ILKA permohonan adalah terbuka kepada:

- Lulusan SPM/Setaraf; atau
- Lulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM); atau
- Lulusan Sekolah Menengah

7. Permohonan kemasukan ke program Sijil dan Diploma di Institusi TEVT dan ILKA dilaksanakan secara serentak dengan permohonan kemasukan ke IPTA bagi Lulusan SPM. Ia bertujuan meluaskan peluang pelajar memohon program pengajian di IPTA, Institusi TEVT atau ILKA yang ditawarkan. Memandangkan kuantum pemohon adalah tinggi dari kalangan pelajar lulusan SPM tahun semasa maka, permohonan dilaksanakan secara dua (2) fasa iaitu:

**i. Fasa 1 : Pendaftaran Permohonan**

Pendaftaran permohonan bagi Fasa 1 telah dibuka kepada pemohon mulai **01 November 2010** dan **tarikh tutup adalah pada 31 Disember 2010.**

**ii. Fasa 2 : Pengesahan Permohonan**

Manakala Fasa 2 iaitu pengesahan permohonan akan di buka pada **10 Januari 2011** mulai **jam 12.00** tengah hari dan **tarikh tutup permohonan adalah pada 4 April 2011.**

8. Bagi permohonan Fasa 1, pemohon lulusan SPM/Setaraf boleh mengemukakan permohonan dengan hanya menggunakan **Nombor Kad Pengenalan / My Kad** serta **Kata Laluan**. Pemohon perlu mengisi maklumat seperti berikut:

- Maklumat Peribadi;
- Maklumat Pekerjaan & Keluarga;
- Kategori Permohonan; dan
- Maklumat Kokurikulum (penyertaan dalam sukan & permainan, badan beruniform, aktiviti persatuan serta **tahap**

**penglibatan sama ada di peringkat sekolah, daerah/zon/bahagian, negeri, negara atau antarabangsa).**

9. Kaedah ini merupakan langkah *pre-emptive* KPT dalam usaha meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan serta melancarkan pengurusan permohonan kemasukan. Usaha ini adalah selaras dengan dasar kerajaan yang mengutamakan sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) secara berkesan dan mesra pengguna.
10. Sayugia diingatkan bagi permohonan Fasa 2, semua pemohon yang telah mendaftar bagi permohonan Fasa 1 atau yang belum mendaftar, **WAJIB** mengemukakan permohonan dengan mengguna pakai **Nombor Unik ID** dan **Nombor Kad Pengenalan/ My Kad serta Kata Laluan**. Pemohon boleh membeli Nombor Unik ID secara individu dengan harga RM10.60 di mana-mana kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) atau melalui ATM atau SMS Banking (bagi pemegang Akaun GIRO) seluruh negara sehari selepas pelawaan iklan disiarkan iaitu pada **10 Januari 2011** sehingga tarikh tutup permohonan pada **04 April 2011**.
11. Pemohon dibenarkan mengemukakan **satu (1) kali permohonan** dan **tiga (3) kali pengemaskinian** sehingga tarikh tutup permohonan pada **04 April 2011**.
12. Sehingga 3 Disember 2010, jumlah permohonan yang telah diterima bagi Fasa 1 ialah sebanyak **46,127** permohonan.

13. Justeru, KPT mensasarkan 70% daripada **467,766** calon lepasan SPM 2010 akan mengemukakan permohonan sebelum tarikh tutup permohonan Fasa 1 pada 31 Disember 2010. Manakala selebihnya akan memohon pada Fasa 2 selepas keputusan rasmi SPM 2010 diumumkan sehingga tarikh tutup permohonan pada **4 April 2011**. Walau bagaimanapun, KPT amat menggalakkan semua calon lepasan SPM 2010 mengemukakan permohonan bagi Fasa 1 dalam usaha meningkatkan kelancaran dan mengurangkan keciciran serta tempoh masa pemohon mengemukakan permohonan mereka pada Fasa 2 nanti.
  
14. Maklumat lanjut mengenai senarai program yang ditawarkan di IPTA, senarai kursus yang ditawarkan di Institusi TEVT dan ILKA, syarat am dan khas, dasar, prosedur permohonan, kriteria pemilihan, pekeliling dan penganjuran Karnival Pengajian Tinggi Negara Tahun 2011 sila layari Laman Web Kemasukan <http://upu.mohe.gov.my>.
  
15. Sebarang kemusykilan atau pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada **Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia** di talian **03-88835801** atau **03-88835802** atau e-mel [upu@mohe.gov.my](mailto:upu@mohe.gov.my).

**Jabatan Pengajian Tinggi**  
**Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**  
**02 Disember 2010**